



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**PANDUAN FROG APPLIANCE  
PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET FASA 2  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**26 SEPTEMBER 2016**

---

**HAK MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

# KANDUNGAN

1. Apakah itu Frog Appliance?
  - 1.1 Komponen Perkakasan Appliance
  - 1.2 Komponen Perisian
    - 1.2.1 Frog VLE
    - 1.2.2 Appliance Admin Console
2. Operasi Perkakasan
  - 2.1 Pemasangan Perkakasan
  - 2.2 Mengendalikan UPS
  - 2.3 Mengendalikan Appliance
  - 2.4 Menghidupkan Peranti Mengikut Turutan
3. Operasi Perisian
  - 3.1 Menggunakan Frog VLE
  - 3.2 Menggunakan Appliance Admin Console
    - 3.2.1 Maklumat Sistem (System information)
    - 3.2.2 Antara Muka Rangkaian (Network interfaces)
    - 3.2.3 Peranti Storan (Storage devices)
    - 3.2.4 Status Perkhidmatan (Service status)
    - 3.2.5 Alatan Ping (Ping Tool)
    - 3.2.6 Sandar dan Simpan Semula USB (USB Backup and Restore)
    - 3.2.7 Pengurusan Akaun (Account management)
    - 3.2.8 Kawalan Kuasa (Power Controls)
4. Sokongan
  - 4.1 Meja Bantuan
  - 4.2 Troubleshooting

# 1. APAKAH ITU FROG APPLIANCE?

YTL telah membekalkan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE) Frog kepada lebih 10,000 buah sekolah di Malaysia. VLE ini diharap dapat menganjak paradigma tentang bagaimana pendidikan boleh disampaikan di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Ia merupakan platform pengajaran dan pentadbiran yang boleh digunakan oleh golongan pendidik untuk menghasilkan kandungan pengajaran dan pembelajaran.

VLE sekolah adalah dihoskan di Pusat Data YTL. Ia boleh diakses dengan sambungan yang dibekalkan ke sekolah, sama ada dengan 4G, ADSL atau VSAT. Tetapi, jalur lebar ADSL/VSAT adalah agak rendah dan menyebabkan tindak balas agak kurang baik apabila VLE diakses dari Pusat Data.

Untuk membolehkan sekolah mengatasi isu jalur lebar rendah, VLE sekolah dengan sambungan ADSL/VSAT dipasang ke dalam sistem komputer *Frog Appliance* dan digunakan di sekolah.



*Frog Appliance* adalah komputer sistem yang terdiri daripada perkakasan dan perisian.




Sistem tersebut akan dipasang ke sekolah-sekolah yang diluluskan oleh KPM dengan sambungan ADSL atau VSAT. Persisian seperti kabel dan pemacu USB juga disediakan. Senarai penuh kelengkapan boleh dilihat di Seksyen 1.1.

Perisian utama dalam sistem ini ialah perisian Frog VLE (Persekitaran Pembelajaran Maya), yang boleh diakses oleh guru dan pelajar untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Perisian konsol juga disediakan bagi membantu pentadbir sekolah mengendalikan *Frog Appliance* dengan mudah. Lihat Seksyen 1.2 untuk penerangan perisian.

## 1.1 Komponen Perkakasan Appliance

Komponen perkakasan yang membentuk *Appliance* ditunjukkan di dalam rajah di bawah:-

No	Komponen	Kuantiti	Contoh
1	Sistem Frog Appliance - CPU: Intel Core i5 - RAM: 8 GB - SSD: 512 GB - HDD: 1 TB	1	
2	UPS dengan Kabel USB	1	

2	USB Drives - 64GB	1	
3	Kabel Keselamatan - Kombinasi nombor	1	
4	Kabel LAN - 3 meter	1	

Walaupun set lengkap perkakasan akan diserahkan kepada sekolah setelah dipasang di sekolah, Sistem Frog Appliance dan UPS bagaimanapun kekal sebagai hak milik YTL. Persisian sokongan seperti Pemacu USB, Kabel Keselamatan dan Kabel LAN akan diberikan kepada sekolah. Jika peralatan ini, yang biasanya tersedia, menjadi rosak atau gagal berfungsi, adalah menjadi tanggungjawab sekolah untuk menggantikannya.

## 1.2 Komponen Perisian

Aplikasi perisian utama di dalam *Appliance* adalah seperti berikut:-

### 1.2.1 Frog VLE

VLE dalam *Frog Appliance* boleh beroperasi dengan trafik yang minimum ke pusat data kerana kebanyakan fungsi utama adalah setempat bagi *Appliance* tersebut. Fungsi-fungsi setempat bagi *Appliance* adalah seperti berikut:-

- **Laman (Sites):** Pengguna boleh menghasilkan dan membina laman web yang boleh dikongsi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran serta ko-kurikulum.
- **Tinjauan (Polls):** Pengguna boleh menghasilkan tinjauan untuk mengumpul maklumat.
- **Borang (Forms):** Pengguna boleh menghasilkan borang digital untuk mengumpul maklumat.
- **Dashboard:** Pengguna boleh mengedit dan menyesuaikan dashboard peribadi untuk organisasi diri dan untuk membuat atau mengumpul kandungan pembelajaran.
- **Tugasan (Assignments):** Guru boleh memberi tugasan kepada pelajar dan menanda tugasan.

- **Analisis (Analytics):** Pentadbir boleh memantau penggunaan di sekolah berdasarkan kepada jumlah log masuk serta jumlah laman dan tugas yang dihasilkan.
- **Kalendar (Calendar):** Pengguna boleh menguruskan sendiri kalendar mereka dan jadual janji temu dan acara.

### 1.2.2 Appliance Admin Console


*Appliance Admin Console* adalah aplikasi perisian yang tersedia dengan bahagian depan yang mesra pengguna bagi memudahkan Pentadbir Sekolah menguruskan *Appliance* tersebut. Fungsi-fungsi utamanya adalah seperti berikut:-

- **Maklumat Sistem:** Memaparkan maklumat berkaitan sistem seperti penggunaan CPU, RAM dan HDD.
- **Perkhidmatan:** Memaparkan senarai perkhidmatan dan status keaktifannya; juga untuk menghidupkan atau mematikan setiap perkhidmatan tersebut.
- **Sandar dan Simpan Semula USB:** Membolehkan pengguna membuat sandaran data VLE yang berkaitan ke dalam pemacu USB dan menyimpan semula sandaran ke dalam Cakera Keras utama yang aktif.
- **Akaun:** Pengguna boleh menetapkan semula kata laluan akaun.
- **Mematikan dan Menghidupkan:** Pengguna boleh mematikan atau menghidupkan semula *Appliance* tersebut.

## 2. Operasi Perkakasan


### 2.1 Pemasangan Perkakasan

Untuk sekolah yang dilengkapi dengan LAN dan tanpa VDI Server, Frog Appliance hendaklah dipasang seperti berikut:-



Rajah 1: Pemasangan rangkaian Appliance (tanpa VDI Server)

Untuk sekolah yang dilengkapi dengan LAN dan VDI Server, Frog Appliance hendaklah dipasang seperti berikut:-



Rajah 2: Pemasangan rangkaian Appliance (dengan VDI Server)

## 2.2 Mengendalikan UPS

Jika bekalan kuasa ke *Appliance* tiba-tiba terputus, kerosakan boleh berlaku pada bahagian dalamnya seperti pada cakera keras dan memori. Oleh itu, *Appliance* mesti disambungkan dengan peranti *Uninterruptible Power Supply* (UPS) agar ia dapat dimatikan dengan sempurna sekiranya bekalan kuasa terputus secara tiba-tiba.

UPS disambungkan dengan bekalan kuasa utama melalui soket kuasa. *Appliance* kemudiannya disambungkan dengan UPS untuk menarik kuasa elektrik. UPS masih boleh membekalkan kuasa kepada *Appliance*, sekurang-kurangnya untuk tempoh 15 minit. Apabila bekalan kuasa ke UPS dimatikan, ia memerlukan beberapa minit sebelum menghantar isyarat kepada *Appliance*, melalui kabel yang bersambung di antara keduanya, bahawa bekalan kuasa telah dimatikan. Selang masa itu berfungsi agar operasi *Appliance* tidak terjejas. Setelah dicetuskan, *Appliance* akan ditutup secara automatik. Ini bertujuan untuk memastikan *Appliance* dapat dimatikan dengan cara yang betul dan tidak secara mengejut.

Jangan sambungkan peranti lain kepada UPS kerana ia adalah untuk memberi kuasa dan melindungi *Appliance* daripada masalah bekalan yang terputus secara tiba-tiba. Jika UPS bersambung dengan peranti lain, ia mungkin gagal berfungsi seperti yang diharapkan disebabkan oleh penambahan beban. Lebih berat beban yang disebabkan oleh peranti lain yang disambung kepada UPS, maka ia memendekkan jangka hayat bateri UPS.

## 2.3 Mengendalikan *Appliance*

*Frog Appliance* hendaklah dihidupkan dan dimatikan dengan cara yang betul.

Untuk menghidupkan *Appliance*, model ADSL/VSAT hendaklah dihidupkan terlebih dahulu. Ia boleh dihidupkan secara manual dengan menekan butang *Power* selama 1 saat. Selepas 1-2 minit, *Appliance* akan beroperasi sepenuhnya. Jika *Appliance* tidak bersambung dengan *VDI Server*, maka *VDI Server* tersebut hendaklah dihidupkan hanya selepas *Appliance* telah beroperasi sepenuhnya.

Untuk mematikan *Appliance*, berikut adalah antara beberapa kaedah yang boleh dilakukan:

1. Gunakan aplikasi *Admin Console* untuk mematikan *Appliance*.
2. Matikan *UPS* agar *Appliance* dapat dimatikan secara automatik.
3. Tekan butang *Power* pada *Appliance* selama 5 saat untuk mematikannya.

## 2.4 Menghidupkan Peranti Mengikut Turutan

Semua peranti **mestilah** dihidupkan mengikut turutan berikut:-

1. Hidupkan modem *ADSL/VSAT*. Tunggu lampu hijau menyala sebelum meneruskan.
2. Kemudian hidupkan *Frog Appliance*. Tunggu sehingga lampu hijau terus menyala.
3. Jika di sekolah terdapat *VDI Server*, ia mestilah yang terakhir dihidupkan, selepas *ADSV/VSAT* dan *Appliance* dihidupkan.

Untuk mematikan peranti, ia tidak perlu mengikut turutan.




## 3. Operasi Perisian

### 3.1 Menggunakan Frog VLE

Untuk mengakses VLE dari pelayar di dalam sistem komputer yang disambungkan melalui LAN kepada *Appliance*, taipkan URL "myschool.1bestarinet.net". Halaman log masuk Frog VLE akan dipaparkan. Log masuk ke dalam VLE dan lakukan tindakan selanjutnya yang diperlukan.

Terdapat beberapa panduan latihan bantu-diri tentang bagaimana untuk menggunakan VLE. Untuk mengaksesnya, ikuti langkah-langkah berikut:-

1. Selepas log masuk, pengguna akan melihat halaman Timeline. Klik dot bulat yang ke-3 pada bar Frog yang berwarna hitam.



2. Pengguna akan dibawa ke Dashboard Sekolah. Klik *Module VLE*.



3. Pengguna akan melihat senarai sumber latihan. Klik salah satu daripadanya.



4. Contoh sumber latihan.




### 3.2 Menggunakan Appliance Admin Console

Untuk mengakses *Admin Console* dari pelayar di dalam sistem komputer yang disambungkan melalui *LAN* kepada *Appliance*, taipkan URL "myschool.1bestarinet.net:3000". Halaman log masuk *Appliance Admin Console* akan dipaparkan. Fungsi-fungsi yang tersedia dalam *Admin Console* disenaraikan di dalam sub-seksyen di bawah.


#### 3.2.1 Maklumat Sistem (System Information)

Fungsi ini memaparkan tentang system OS (Sistem Operasi), jenis *CPU*, saiz *Memory*, *System Uptime* dan *System Load* dalam tempoh 24 jam yang lalu.




### 3.2.2 Antara Muka Rangkaian (Network interfaces)

Fungsi ini memaparkan maklumat tentang antara muka *Appliance*.




Apabila antara muka rangkaian 'eth0' dipilih, ia akan memaparkan lebih banyak maklumat:




### 3.2.3 Peranti Storan (Storage Devices)

Fungsi ini memaparkan maklumat SSD dan HDD yang merupakan sebahagian daripada system *Appliance*.




### 3.2.4 Status Perkhidmatan (Service Status)

Fungsi ini memaparkan maklumat tentang perkhidmatan utama yang berjalan di dalam sistem *Appliance*.



### 3.2.5 Alatan Ping (Ping Tool)


Fungsi ini membolehkan pengguna melaksanakan arahan 'ping' rangkaian untuk mengesahkan jika *Appliance* boleh mencapai alamat IP atau URL yang dimasukkan oleh pengguna. Pengesahan ini akan menjadi petunjuk jika *Appliance* berjaya beroperasi di dalam rangkaian.



### 3.2.6 Sandar dan Simpan Semula USB (USB Backup and Restore)


*Appliance* akan membuat sandaran automatik setiap hari ke atas kandungan dan pangkalan data pengguna, tanpa penglibatan pengguna. Sandaran ini akan disimpan di dalam pemacu tambahan dalaman *Appliance*. Tetapi, untuk kes *Appliance* hilang atau pemacu dalaman *Appliance* gagal berfungsi, sandaran yang dibuat tidak lagi berguna.

Fungsi *Admin Console* pula adalah untuk membolehkan pengguna membuat sandaran secara manual dan menyimpannya ke dalam pemacu USB. Ini juga membolehkan pihak sekolah untuk menyimpan sandaran dari pemacu USB ke *Appliance* baharu, tetapi ia tidak digalakkan untuk dilakukan oleh pihak sekolah kecuali jika diarahkan secara jelas oleh Kakitangan Sokongan YTL.




### 3.2.7 Pengurusan Akaun (Account Management)

Bagi membolehkan pengguna menukar atau menetapkan semula kata laluan akaun.



### 3.2.8 Kawalan Kuasa (Power Control)

Bagi membolehkan pengguna mematikan *Appliance* atau melakukan but semula *Appliance*.



## 4. Sokongan

### 4.1 Meja Bantuan

Untuk menghubungi Meja Bantuan YTL, sila pilih di antara yang berikut:-

- Panggilan telefon: +60 18-799-8787 (7:00 pagi hingga 10:00 malam, Ahad – Jumaat, termasuk cuti awam)
- E-mel: [moesupport@ytlcomms.my](mailto:moesupport@ytlcomms.my)
- Self-care portal: <https://1bnselfcare.yes.my/>

### 4.2 Troubleshooting

Jika *Appliance* tidak berfungsi seperti yang diharapkan, lakukan beberapa langkah mudah berikut bagi membantu menyelesaikan masalah anda, sebelum anda menghubungi Meja Bantuan YTL.

- Jika *Appliance* tidak dapat dihidupkan:-
  - ✓ Sila periksa soket utama: sambungkan dengan soket lain
  - ✓ Periksa bekalan kuasa UPS; sambungkan peranti lain dengan UPS
  - ✓ Periksa kabel kuasa: gunakan kabel kuasa lain
- Jika *Appliance* hidup tetapi tidak boleh diakses:-
  - ✓ Periksa suis rangkaian: adakah lampu port menyala; tukar dengan port lain
  - ✓ Periksa rangkaian *Appliance* Port 2: adakah port rangkaian *Appliance* menyala
  - ✓ Periksa kabel rangkaian: gunakan kabel rangkaian lain
  - ✓ Periksa *client system*: gunakan *client system* lain
  - ✓ Periksa tetapan IP rangkaian *client system*: gunakan Dynamic IP; reboot jika ditukar
- Jika *Appliance* VLE boleh diakses tetapi pengguna gagal mengakses internet:-
  - ✓ Check ADSL/VSAT: adakah ia hidup?
  - ✓ check *network point* modem: adakah lampu port rangkaian menyala; tukar dengan port lain
  - ✓ Periksa rangkaian *Appliance* Port 1: adakah port rangkaian *Appliance* menyala
  - ✓ Periksa kabel rangkaian: gunakan kabel rangkaian lain
  - ✓ Periksa sambungan modem: sambungkan sistem lain terus ke modem dan cuba akses internet